

MANUAL REKA BENTUK BAGI PEMBANGUNAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



GARISPANDUAN PENYEDIAAN MAKAN 'AL FRESCO' DI PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Sept

Bahagian Rekabentuk dan Estetika
Jabatan Perancangan Fizikal



GARISPANDUAN REKABENTUK STRUKTUR TAMBAHAN DAN KANOPI DI JALAN CHANGKAT BUKIT BINIANG, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR




November 2014

Jabatan Perancangan Fizikal
Bahagian Rekabentuk dan Estetika Bandar

GARIS PANDUAN PENCAHAYAAN IMPAK BANGUNAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

April 2014
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

ran Berkaca untuk Pembangunan Kedai Pejabat bagi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Shop Office in Kuala Lumpur



Februari 2015



	Kandungan	Muka surat
BAB 1	PENGENALAN	2
BAB 2	KONSEP PEMBANGUNAN	2
BAB 3	GARISPANDUAN PEMBANGUNAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	3
3.0	KONSEP REKABENTUK SENIBINA TROPIKA	3
	3.1 IMEJ – KEPERLUAN KHAS SENIBINA KUALA LUMPUR	3
	3.2 GARISPANDUAN REKABENTUK SENIBINA TROPIKA DI KUALA LUMPUR	4
4.0	REKABENTUK BANDAR SELAMAT	6
	4.1 REKABENTUK SUSUN ATUR	6
	4.2 REKABENTUK BANGUNAN	6
	4.3 AKSES DAN LALUAN PEJALAN KAKI	7
	4.4 LANSKAP DAN ELEMEN REKABENTUK BANDAR	7
	4.5 TEMPAT LETAK KENDERAAN	7
	4.6 PENCAHAYAAN	8
5.0	KEPERLUAN REKABENTUK RUANG	8
6.0	KEPERLUAN REKABENTUK BANGUNAN TERES DAN ‘INFILL’ RUMAH KEDAI / KEDAI PEJABAT	8
7.0	KEPERLUAN TEKNIKAL REKABENTUK	10
8.0	PENCAHAYAAN IMPAK	10
9.0	REKABENTUK DAN KETINGGIAN PODIUM DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	10
10.0	REKABENTUK PAPARAN PADA PAPAN DENDENG (HOARDINGS) DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	12
11.0	PEMATUHAN GARIS PANDUAN	13

BAB 1

PENGENALAN

Visual dan latar langit (skyline) bandar raya yang menarik dan unik adalah penting untuk sesebuah bandar. Ianya akan menjadikan sebuah Bandar itu mudah diingati (memorable) dan dikenali. Bermula dari ruang awam (public spaces) sehinggalah ke bangunan pencakar langit (skyscrapers), elemen – elemen bandar ini akan memberi impak visual kepada masyarakat setempat dan juga pelancong. Oleh yang demikian amatlah penting rekabentuk bangunan dan ruang awam yang ada di Kuala Lumpur dicorak berasaskan keadaan persekitaran tempatan sesuatu tempat (locality) iaitu konsep tropikal. Konsep tropical ini amatlah bersesuaian dan ianya adalah responsif dengan persekitaran cuaca setempat Malaysia.

Manual Rekabentuk Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan rujukan rekabentuk bagi mana-mana pembangunan di Bandaraya Kuala Lumpur. Manual rekabentuk ini terpakai bagi semua kategori pembangunan dan pelaksanaannya adalah berdasarkan kategori bangunan, penyediaan ruang, dan kesesuaian pemakaian pada sesebuah cadangan pembangunan.

BAB 2

KONSEP PEMBANGUNAN

Selaras dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang telah diwartakan pada 2004, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dibangunkan berlandaskan visi ; **Kuala Lumpur - Bandaraya Bertaraf Dunia.**

Bagi memastikan pembangunan di Kuala Lumpur mempunyai karekter dan identiti yang tersendiri, Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah menggariskan Matlamat 4 ; **Membentuk satu identiti dan imej bandar raya yang tersendiri**

Manual Rekabentuk Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini merangkumi garis panduan semasa yang digunapakai untuk mana-mana pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

BAB 3

GARISPANDUAN PEMBANGUNAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Merujuk kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, Rekabentuk Bandar dan Lanskap;

Dasar UD 21 :

DBKL akan memastikan rekabentuk senibina berpiawaian tinggi, sesuai dengan kedudukan rantau tropika dan peka kepada konteks alam bina dan semulajadi.

Bangunan-bangunan di Kuala Lumpur perlu direkabentuk dengan imej senibina tropika nusantara yang kontemporari dengan mengaplikasikan teknologi binaan terkini selearas dengan visinya untuk menjadi bandaraya bertaraf dunia di dalam sebuah negara maju. Berikut adalah kaedah dan garis panduan yang perlu dipatuhi:

3.0 KONSEP REKABENTUK SENIBINA TROPIKA

Di dalam menyediakan pembangunan berkonsepkan Senibina Tropika, terdapat tiga pendekatan yang harus diaplikasikan serentak. Ianya ialah :-

- i. **PENDEKATAN PASIF DAN ADAPTASI** – Menggunakan elemen-elemen senibina untuk mengelakkan situasi negatif seperti silau dan hujan yang keterlaluan, menggunakan kebaikannya dari segi pencahayaan dan udara yang konsisten suhunya untuk memberi keselesaan kepada penghuni, serta responsif kepada persekitaran.
- ii. **PENDEKATAN AKTIF DAN EKSPLOTASI** – Memanipulasikan dan mengambil peluang terhadap situasi sedia ada iklim tropika untuk mendapatkan sumber tenaga dan meningkatkan 'efisiensi' bangunan tersebut.
- iii. **IMEJ** – Mematuhi keperluan khas untuk mencapai satu imej unik bagi Kuala Lumpur dengan mengambilkira faktor sejarah, budaya, agama dan gaya hidup masyarakatnya.

3.1 IMEJ – KEPERLUAN KHAS SENIBINA KUALA LUMPUR

3.1.1 Konsep yang perlu diterapkan ialah konsep Vernakular Nusantara (*Regional Vernacular*) dengan ciri-ciri tropika kontemporari dan mematuhi arahan semasa kerajaan. Ianya juga perlu mengambil kira gaya hidup,

kepercayaan, agama, budaya dan sejarah pembangunan Kuala Lumpur secara simbolik atau abstrak.

- 3.1.2 Rekabentuk ruang dalaman serta elemen seperti dinding kaca, selusur tangan dan lantai direkabentuk juga dengan mengambil kira konsep tradisional, seni halus tempatan dan kepercayaan bangsa yang berbilang. Hiasan seperti pasu dan hiasan dinding boleh bercirikan keMalaysiaan.
- 3.1.3 Konsep pencahayaan impak dan lanskap tropika nusantara perlu disediakan untuk memenuhi visi Kuala Lumpur Bandaraya Bercahaya dalam Taman. Ia juga untuk meneduhkan suasana dan meningkatkan faktor keselamatan.

3.2 GARISPANDUAN REKABENTUK SENIBINA TROPIKA DI KUALA LUMPUR

- 3.2.1 Menyediakan rekabentuk yang fleksibel di mana pintu, tingkap, louvres dan lain-lain, boleh dikawal bukaannya, samada secara manual, sistem komputer atau sensor.
- 3.2.2 Menyediakan tingkap dengan kaca tenaga rendah (*Low Energy Glass*) atau panel dwi-lapisan (*Double Glazing*) dengan bahan penebat dan louvres mikro bagi tujuan kawalan sinar matahari.
- 3.2.3 Menyediakan rekabentuk fasad dua lapisan (*double skin facade*).
- 3.2.4 Meminimalkan susunatur berbilik-bilik atau '*partitioning*' untuk mengoptimumkan peredaran udara.
- 3.2.5 Menyediakan unjuran pada permukaan fasad seperti penangkis sinar matahari, '*fins*', kanopi, bumbung julur, louvres dan cucur atap yang panjang
- 3.2.6 Menyediakan ruang perantara dalam dan luaran bangunan (*transition space*) seperti anjung, balkoni, lanai, laluan beranda serta jaringan laluan pejalan kaki berbumbung.
- 3.2.7 Mengambil kira Orientasi Bangunan tanpa menjejaskan pemandangan yang cuba dieksploitasikan, di mana bukaannya boleh dimaksimumkan ke arah tiupan angin, pandangan selatan dan pandangan utara serta diminimumkan ke arah timur dan barat.

- 3.2.8 Mengambil peluang ke atas sinar matahari dan hujan dengan menyediakan sistem pemanasan tenaga solar dan kitaran air hujan serta tenaga hidro dan angin untuk menjana elektrik bagi projek yang besar.
- 3.2.9 Merekabentuk bumbung cerun untuk mempercepatkan pengaliran air hujan, menyediakan polong yang besar serta sistem perparitan yang sempurna atau menyediakan tanaman/ *turfing* di atas bumbung konkrit rata untuk memperlambatkan pengaliran air hujan ke polong dan longkang/*culvert* serta menyejukkan persekitaran.
- 3.2.10 Mengawal penggunaan bahan berkaca dari segi jenis, kadar, reflektiviti dan kuantiti penggunaannya untuk mengawal panas, dan keselesaan dalaman serta kesilauan kepada bangunan lain.
- 3.2.11 Menyediakan ruang lanskap tropika dengan elemen air, tanaman dan arca pada aras tanah, bumbung dan tingkat-tingkat di antaranya, mengikut kesesuaian rekabentuk.
- 3.2.12 Mengurangkan ruang binaan (*plinth area*) dengan tidak menyediakan podium yang besar, sebaliknya, meningkatkan ruang plaza dan ruang lanskap pada aras tanah.
- 3.2.13 Mengosongkan sebahagian ruang di tingkat bawah bangunan untuk menggalakkan peredaran udara bagi mengurangkan panas dan lembapan pada paras jalan.
- 3.2.14 Menggunakan *pavers* dan jubin tanah liat telus air pada ruang lanskap, laluan jalan dan tempat letak kereta pada paras tanah.
- 3.2.15 Mengelakkan daripada mengubah cerun semulajadi yang boleh menyebabkan lapisan tanah terurai apabila kadar hujan meningkat.
- 3.2.16 Pembangunan di Kuala Lumpur juga perlu mengambil kira keperluan khas orang kurang upaya untuk memastikan Kuala Lumpur dapat dinikmati bersama, oleh semua golongan masyarakat.

4.0 REKABENTUK BANDAR SELAMAT

Pelaksanaan rekabentuk Bandar Selamat ini adalah pematuhan kepada garis panduan *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED) Implementation Guide* bagi menyokong Program Bandar Selamat 2010. Pematuhan garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

4.1 REKABENTUK SUSUN ATUR

- 4.1.1 Mengelakkan ruang perangkap dan jalan mati (entrapment spot).
- 4.1.2 Menggalakan ruang pandangan dari pelbagai sudut.
- 4.1.3 Mewujudkan jaringan secara bersambung dan bersepadu.
- 4.1.4 Lokasi perletakan kemudahan awam yang mudah dilihat.
- 4.1.5 Lokasi perletakan bagi ruang / bangunan servis seperti TNB *sub station*, rumah / kebuk sampah dan sebagainya supaya tidak melindungi pandangan bagi mana-mana kawasan kunjungan awam.

4.2 REKABENTUK BANGUNAN

- 4.2.1 Menyediakan ruang yang mempunyai aktiviti yang aktif di aras tanah.
- 4.2.2 Pintu, tingkap, lobi menghadap jalan atau kawasan tumpuan.
- 4.2.3 Dinding legap (solid wall) bagi ruang awam seperti tandas / surau hendaklah diintegrasikan dengan elemen yang lebih telus pandang seperti tingkap / louvers / skrin / grill untuk tujuan keselamatan orang awam (Bandar Selamat) dan estetika fasad bangunan serta mengambil kira keperluan privasi dan nilai budaya .
- 4.2.4 Mengelakkan rekabentuk 'blind wall'.
- 4.2.5 Bahan binaan pintu dan lif perlulah dari jenis telus pandang.
- 4.2.6 Tangga ke laluan tempat letak kereta dalam bangunan perlu telus pandang dengan jelas dari luar dan dalam bangunan.
- 4.2.7 Rekabentuk ruang awam seperti tandas / surau hendaklah diintegrasikan dengan elemen grill / louvers / skrin yang terbuka di bahagian atas secara maksima untuk tujuan pencahayaan dan pengudaraan semulajadi.

4.3 AKSES DAN LALUAN PEJALAN KAKI

- 4.3.1 Mengelakkan rekabentuk selekoh tajam dan kecerunan mendadak mengikut keperluan *accessible design*.
- 4.3.2 Sistem jaringan jalanraya dengan ruang pandangan yang jelas
- 4.3.3 Penyediaan laluan pejalan kaki yang telus pandang tanpa ada sebarang halangan.
- 4.3.4 Jejantas tidak terlindung daripada sebarang objek seperti papan tanda atau pokok.
- 4.3.5 Deretan kedai menggunakan konsep *double frontage*, *street mall* agar kawasan itu menjadi tumpuan orang awam.
- 4.3.6 Laluan pejalan kaki dipisahkan dari laluan bermotor.

4.4 LANSKAP DAN ELEMEN REKABENTUK BANDAR

- 4.4.1 Papan tanda tidak menghalang laluan pejalan kaki dan diletakkan secara sejajar.
- 4.4.2 Mengawal ketinggian tanaman yang ditanam agar tidak menghalang pandangan kepada pejalan kaki.

4.5 TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 4.5.1 Pencahayaan di tempat letak kereta pada kadar yang sesuai.
- 4.5.2 Lokasi tempat letak motosikal di kawasan yang mudah dilihat.

4.6 PENCAHAYAAN

- 4.6.1 Pencahayaan disediakan di kawasan kelam seperti lorong belakang.
- 4.6.2 Pencahayaan yang disediakan perlulah terang dan radius pencahayaan adalah bertindan supaya tidak ada ruang gelap.
- 4.6.3 Ruang terperangkap (*entrapment spot*) perlu ada pencahayaan.
- 4.6.4 Pencahayaan yang mencukupi pada ruang awam.
- 4.6.5 Pencahayaan pada ruang tangga kecemasan dan laluan koridor awam hendaklah disediakan bagi tujuan keselamatan.

5.0 KEPERLUAN REKABENTUK RUANG

Bagi pembangunan seperti bangunan sesebuah seperti restoran makanan segera / ruang pameran / kilang / gudang / stor / tadika / rumah kelab / stesen minyak / bangunan komuniti / bangunan kemudahan awam / bangunan keagamaan dan bangunan tumpuan awam yang lain. Penyediaan rekabentuk adalah seperti berikut.

- 5.1 Ruang tumpuan awam, ruang aktif seperti ruang pejabat, ruang menunggu, ruang makan 'al fresco', serta ruang pameran hendaklah disediakan di aras tanah dan ianya hendaklah menghadap ke arah jalan / laluan utama orang awam.
- 5.2 Rekabentuk ruang awam seperti tandas / surau hendaklah diintegrasikan dengan elemen *grill* / *louvers* / skrin yang terbuka di bahagian atas secara maksima untuk tujuan pencahayaan dan pengudaraan semulajadi. Ketinggian dinding bagi ruang kegunaan awam ini tidak melebihi 3000mm.
- 5.3 Dinding legap (solid wall) bagi ruang awam seperti tandas / surau hendaklah diintegrasikan dengan elemen yang lebih telus pandang seperti tingkap / *louvers* / skrin / *grill* untuk tujuan keselamatan orang awam (Bandar Selamat) dan estetika fasad bangunan serta mengambil kira keperluan privasi dan nilai budaya.

6.0 KEPERLUAN REKABENTUK BANGUNAN TERES DAN *INFILL* RUMAH KEDAI / KEDAI PEJABAT

Rekabentuk pembangunan berteres rumah kedai / kedai pejabat sama ada pembangunan baru atau pembangunan *infill* perlu diberi perhatian yang terperinci kerana ianya merupakan bangunan tumpuan utama orang awam. Pembangunan berteres sebegini akan menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan dan aktiviti seperti bank, kedai serbanika, restoran, pejabat dan sebagainya.

Oleh yang demikian kualiti rekabentuk fasad dan aksesibiliti menjadi elemen utama penilaian cadangan pembangunan. Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi bagi cadangan pembangunan berteres rumah kedai / kedai pejabat sama ada pembangunan baru atau pembangunan *infill* :

- 6.1 Rekabentuk ke arah penerapan bercirikan Rekabentuk Sejagat (*Universal Design*) tanpa ada sebarang perubahan aras secara drastik (*seamless design*) dari bahu jalan ke laluan beranda dan ke pintu masuk lot cadangan.
- 6.2 Merekabentuk fasad hadapan dan profile bangunan secara bersesuaian dan responsif dengan fasad unit bersebelahan.
- 6.3 Menyediakan skema warna bangunan dan bahan kemasan yang bersesuaian dan responsif dengan unit bersebelahan.
- 6.4 Merekabentuk fasad berkonsepkan *double frontage* bagi unit yang terletak di dalam kawasan pengekalan dan bagi unit yang fasad belakangnya menghadap ke arah jalan utama.
- 6.5 Ruang papan tanda nama atau iklan hendaklah disediakan dengan ketinggian minima 900mm sehingga 1200mm pada setiap tingkat bagi pembangunan berteres seperti rumah kedai / kedai pejabat / soho.
- 6.6 Lokasi dan rekabentuk papan tanda nama bangunan hendaklah disediakan mengikut kesesuaian konsep pembangunan beserta dengan pencahayaan.
- 6.7 Penyediaan laluan beranda bertiang tanpa halangan selebar 3000mm dan separas dengan bahu jalan.
- 6.8 Mematuhi Garis Panduan Rekabentuk Dinding Pameran Berkaca (*show glass window*) dan Penggunaan *Roller Shutter* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kedai / pejabat yang terletak di tingkat bawah dengan menyediakan ruang pameran berkaca di bahagian hadapan dan roller shutter di bahagian dalam ruang kedai. Ruang pameran berkaca ini hendak disediakan dengan pencahayaan pada waktu malam bagi menjadikan kawasan persekitaran selamat.

7.0 KEPERLUAN TEKNIKAL REKABENTUK

Keperluan teknikal adalah merupakan keperluan rekabentuk yang perlu dipatuhi bagi semua jenis kategori pembangunan. Ianya bertujuan memastikan aspek keselamatan orang awam, kualiti visual pandangan awam terjaga. Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi bagi semua jenis kategori cadangan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

- 7.1 Lokasi ruang / bangunan servis seperti TNB *sub station*, rumah / kebuk sampah dan sebagainya yang tidak melindungi pandangan bagi mana-mana ruang / kawasan tumpuan awam untuk tujuan keselamatan (natural surveillance).
- 7.2 Rekabentuk dan bahan kemasan ruang / bangunan servis seperti TNB *sub station*, rumah / kebuk sampah dan sebagainya yang selaras dengan keseluruhan konsep pembangunan.
- 7.3 Peralatan mekanikal dan servis seperti tangki air dan peralatan pendingin hawa hendaklah dilindungi dari pandangan awam termasuk sisi dan atas dengan menggunakan ciri-ciri estetik yang menarik dan bersesuaian.
- 7.4 Penyediaan ruang kondenser pendingin hawa yang mencukupi pada bahagian hadapan dan belakang ruang kedai / pejabat dengan rekabentuk skrin yang menarik dan bersesuaian.
- 7.5 Ruang jemuran hendaklah disediakan terlindung dari pandangan. Bagi ruang jemuran yang disediakan di permukaan luar, ketinggian dinding hendaklah disediakan setinggi 1500 mm dan diintegrasikan dinding legap dan selusur besi (railling).
- 7.6 Rekabentuk susurtangan (*railing*) atau *low-wall* hendaklah disediakan dengan menerapkan ciri-ciri keselamatan kepada pengguna.
- 7.7 Bumbung konkrit rata hendaklah dikemaskan dengan lanskap / *epoxy* / jubin / *polyurethane (P.U) coating / floor hardener* agar tidak kotor dan berlumut.

8.0 PENCAHAYAAN IMPAK

Pencahayaan Impak bagi semua pembangunan di Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk meningkatkan imej dan identiti bandar raya ini melalui visual persekitaran dan latar langit yang menarik pada waktu malam. Bandar Raya yang bercahaya akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang 'self - contained city' di mana ianya tidak sekadar menjadi tempat bekerja sahaja malahan Kuala Lumpur menjadi tempat kediaman dan beriadah yang selesa dan selamat untuk orang awam dan pelancong terutamanya pada waktu malam. Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi bagi semua jenis pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

- 8.1 Patuhi Garis Panduan Pencahayaan Impak Bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 8.2 Cadangan impak pencahayaan pada fasad bangunan, bumbung, ruang awam (dalaman) dan pintu masuk bangunan hendaklah disediakan.
- 8.3 Pencahayaan pada ruang tangga kecemasan dan laluan koridor awam hendaklah disediakan bagi tujuan keselamatan.
- 8.4 Pencahayaan pada ruang pejalan kaki dan laluan beranda awam hendaklah disediakan bagi tujuan keselamatan.

9.0 REKABENTUK DAN KETINGGIAN PODIUM DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Podium adalah merupakan sebahagian elemen utama di dalam rekabentuk sesebuah bangunan. Lokasi podium yang terletak pada aras mata (eye level) menjadikan ianya elemen fasad yang akan dilihat terlebih dahulu sebelum orang awam dapat menikmati fasad keseluruhan bangunan. Rekabentuk fasad pada podium adalah amat penting dan perlu mempunyai rekabentuk yang cantik, menarik dan berkualiti kerana ianya berada di dalam lingkungan pandangan mata awam. Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi di dalam peyediaan podium untuk pembangunan;

- 9.1 Ketinggian podium tidak boleh melebihi 8 tingkat dan setiap aras podium tidak boleh melebihi ketinggian 3000mm.

- 9.2 Podium tempat letak kereta hendaklah bercirikan keselamatan dengan menyediakan binaan dinding konkrit bertetulang (upstand beam) dan 'stopper bar'.
- 9.3 Rekabentuk fasad bahagian podium ini perlulah mengintegrasikan elemen-elemen skrin seperti *louvres*, *decorative skrin*, *trellis*, *railing*, kotak tanaman, dinding legap dan lain-lain yang bersesuaian dengan konsep rekabentuk serta mengambilkira aspek pencahayaan dan pengudaraan semulajadi.
- 9.4 Penggunaan elemen dinding legap (solid wall) pada bahagian podium tempat letak kereta perlulah dikurangkan bagi mewujudkan suasana persekitaran yang selamat kepada pengguna (CPTED Design concept). Ianya juga membantu untuk memaksimumkan pengudaraan dan pencahayaan semulajadi.
- 9.5 Rekabentuk ruang dalaman hendaklah dibuat secara integrasi di antara ruang aktif terutamanya pada permukaan hadapan bangunan dan ruang pasif seperti tempat letak kereta dan ruang servis.

10.0 REKABENTUK PAPARAN PADA PAPAN DENDENG (*HOARDINGS*) DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Papan dendeng (*hoardings*) adalah merupakan sebahagian dari sturuktur sementara. Walaubagaimanapun, penyediaan struktur ini tidak boleh dipandang ringan kerana tempon struktur papan dendeng ini berada di tapak akan mengambil masa yang lama. Bagi memastikan kualiti perbandaran Bandaraya Kuala Lumpur berada di dalam keadaan cantik, kemas dan menarik, struktur papan dendeng ini hendaklah disediakan dengan meletakkan paparan yang sesuai dan membantu untuk mempertingkatkan visual perbandaran Kuala Lumpur. Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi untuk mencapai matlamat tersebut;

- 10.1 Papan Dendeng (*hoardings*) hendaklah direkabentuk secara kreatif dengan berkonsepkan Bandar Raya Di Dalam Taman/“*City In A Garden*”.
- 10.2 Warna asas papan dendeng hendaklah warna hijau yang bercirikan hutan hujan tropika.
- 10.3 Menyediakan lampu untuk pencahayaan malam dan bagi tujuan keselamatan.
- 10.4 Saiz papan dendeng yang dicadangkan ialah dengan ketinggian 3600mm atau 12 kaki.

- 10.5 Paparan pada papan dendeng (*hoardings*) hendaklah dibina dengan menggunakan struktur binaan yang kukuh dan tahan cuaca.
- 10.6 Penggunaan "*Corrugated Metal Deck*" sebagai struktur papan dendeng dibenarkan.
- 10.7 Penggunaan "*Corrugated Metal Deck*" sebagai dinding paparan tidak dibenarkan.
- 10.8 Dinding paparan hendaklah dari jenis permukaan rata (*flat panel surface*).
- 10.9 Papan dendeng (*hoardings*) hendaklah dilitupi secara keseluruhannya dengan gambar/ paparan yang direkabentuk secara grafik yang menggunakan gambaran sebenar pokok-pokok tropika.
- 10.10 Penggunaan elemen sebenar seperti menanam pokok menjalar (*creepers*), membina dinding dari batu kerikil di antara papan dendeng atau menggunakan bahan-bahan yang bersesuaian mengikut konsep pembangunan dibenarkan.
- 10.11 Menggunakan gambar dan motif flora dan fauna sepenuhnya dengan kreatif.
- 10.12 Gambar yang menunjukkan ruang dalaman, fasad luaran, konsep pembangunan boleh diselang seli dan diintegrasikan bersama paparan yang mematuhi garis panduan papan dendeng ini.

11.0 PEMATUHAN GARIS PANDUAN

Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlulah mematuhi segala dasar, polisi dan garis panduan semasa bagi aspek keperluan rekabentuk berikut :

- 11.1 Patuhi keperluan Rekabentuk Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020.
- 11.2 Patuhi Garis Panduan Butiran Kemudahan Akses bagi OKU.
- 11.3 Patuhi Garis Panduan Rekabentuk Laluan Bebas Halangan.
- 11.4 Patuhi MS 1184 : 2014 , *Universal Design and Accessibility in the Built Environment – Code of practise*.
- 11.5 Patuhi Garis Panduan Pencahayaan Impak Bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 11.6 Patuhi Garis Panduan Rekabentuk Dinding Pameran Berkaca (*show glass window*) dan Penggunaan 'Roller Shutter' bagi kedai / pejabat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- 11.7 Patuhi Garis Panduan Rekabentuk dan Penggunaan Bahan Kemasan Telus Air untuk Ruang Meletak Kereta Terbuka di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 11.8 Patuhi Garis Panduan Penyediaan Ruang Makan 'Al Fresco' di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 11.9 Patuhi Garis Panduan Rekabentuk Paparan Pada Papan Dendeng (*Hoardings*) Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 11.10 Patuhi Garis Panduan Elemen Seni bagi Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 11.11 Patuhi Garis Panduan Rekabentuk Keselamatan Bagi Podium Meletak Kereta.
- 11.12 Patuhi Garis Panduan Rekabentuk Keselamatan Bagi Susurtangan Balkoni.
- 11.13 Patuhi Garis Panduan Rekabentuk Struktur Tambahan dan Kanopi di Jalan Changkat Bukit Bintang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 11.14 Patuhi Garis Panduan Rekabentuk Struktur Tambahan dan Laluan Pejalan Kaki di sekitar Changkat Thambi Dollah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Garis panduan boleh keperluan rekabentuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh dimuat turun dilaman web rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, www.dbkl.gov.my.